

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 06 September 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PELUNCURAN *MYAGEING DASHBOARD*

11.6 peratus daripada penduduk Malaysia berumur 60 tahun dan lebih pada tahun 2024

PUTRAJAYA, 06 SEPTEMBER 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) secara rasminya telah melancarkan *MyAgeing Dashboard* yang mengandungi visualisasi data interaktif dan maklumat berkaitan statistik penduduk, penuaan dan jangka hayat. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.

Ketua Perangkawan berkata, “Komposisi penduduk berumur 60 tahun dan lebih pada 2024 meningkat kepada 11.6 peratus berbanding 1970 (5.4 peratus). Komposisi ini diunjurkan meningkat kepada 17.3 peratus pada 2040. Pada tahun 2039, penduduk berumur 60 tahun dan lebih dijangka lebih ramai iaitu 6.17 juta berbanding bilangan penduduk berumur 14 tahun dan ke bawah (6.11 juta)”.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan objektif *MyAgeing Dashboard* ini dibangunkan adalah bertujuan memudahkan pengguna mengakses statistik yang berkaitan dengan struktur umur penduduk, penuaan dan jangka hayat di peringkat Malaysia, negeri dan daerah pentadbiran. Dashboard ini juga turut memuatkan artikel dan berita terkini mengenai isu-isu penuaan dalam dan luar negara. *MyAgeing Dashboard* merupakan gabungan daripada pelbagai sumber data primer yang dikeluarkan oleh DOSM seperti Anggaran Penduduk Semasa, Data Banci Penduduk, Perangkaan Penting dan Jangka Hayat serta data pentadbiran daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan seperti

data fasiliti kesihatan dan perkhidmatan sosial untuk warga emas.

Dashboard ini merangkumi data siri masa dan indikator dari tahun 1970 sehingga terkini yang dikeluarkan oleh DOSM. Statistik ini boleh digunakan sebagai input utama dalam pembentukan, pelaksanaan dan pemantauan dasar negara terutamanya yang berkaitan penuaan penduduk.

MyAgeing Dashboard ini memaparkan tiga segmen utama iaitu penuaan penduduk, kependudukan dan jangka hayat. Tiga segmen utama ini mengandungi statistik mengikut jantina, kumpulan etnik utama dan perangkaan penting seperti kadar kesuburan dan purata umur perkahwinan. Maklumat dalam dashboard ini akan dikemaskini berdasarkan ketersediaan data dari semasa ke semasa. *MyAgeing Dashboard* boleh dicapai melalui <https://www.dosm.gov.my/MyAgeing>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Paparan 1: *MyAgeing Dashboard*

The graphic features a light blue background with a hexagonal pattern. At the top center is the Malaysian coat of arms, with the text 'MINISTRY OF ECONOMY' and 'DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA' below it. The title 'MY AGEING DASHBOARD' is prominently displayed in large, bold, dark blue letters. To the left of the title is a green circular icon with a white hand cursor pointing at it. To the right is a silhouette illustration of three elderly people standing and talking, with a smaller silhouette of a family (two adults and a child) below them. The overall design is clean and professional, representing a digital dashboard for ageing statistics.

MY AGEING DASHBOARD

Ageing :-


Population ageing is characterised as a phenomenon in which elderly individuals constitute a large part of the composition of the total population (Ageing in the Twenty-First Century, United Nations (2012). Individuals aged 60 and over are considered elderly or senior people in Malaysia, as defined by the United Nations World Assembly on Aging in Vienna (UN, 1982) and ASEAN countries. The National Policy for Older Persons and the Plan of Action For Older Persons were formulated and approved by the government on 5 January 2011 to pay attention to the welfare and needs of the elderly.

The United Nations has defined three categories of ageing, namely ageing society, aged society and super-aged society which each refers to the population aged 65 years and over reaching 7 per cent, 14 per cent and 20 per cent.


Paparan 2: Penuaan di Malaysia

PENUAAN MALAYSIA


11.6 PERATUS DARIPADA PENDUDUK MALAYSIA BERUMUR 60 TAHUN DAN LEBIH PADA TAHUN 2024




Nota: ^e Anggaran



Paparan 3: Taburan Peratus Penuaan Penduduk Mengikut Daerah Pentadbiran, 1991 dan 2024 (Semenanjung Malaysia)



Paparan 4: Taburan Peratus Penuaan Penduduk Mengikut Daerah Pentadbiran, 1991 dan 2024 (Sabah dan Sarawak)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
06 SEPTEMBER 2024